

08/05/2000

Calon dilarang edar kad nama

KUALA LUMPUR, Ahad - Semua 189 calon yang bertanding 11 jawatan pada pemilihan Umno, Rabu dan Khamis ini, dilarang mengedarkan kad nama yang memuatkan gambar serta nombor calon kepada perwakilan.

Langkah itu diambil berikutan ibu pejabat parti menyediakan senarai nama lengkap yang mempunyai nama, nombor calon dan gambar bagi memudahkan perwakilan membuat pemilihan.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata senarai lengkap itu akan dimuatkan dalam beg perwakilan dan mereka mempunyai masa yang cukup untuk memilih calon.

"Presiden parti tak benarkan semua calon menggunakan cara itu bagi memperkenalkan diri kepada perwakilan.

"Saya percaya orang sudah kenal calon dan sudah banyak kali nama dan gambar mereka keluar di dalam akhbar.

"Jika ada calon atau wakil calon didapati mengedar kad nama ini, kita akan mengambil tindakan," katanya kepada pemberita pada majlis mencabut nombor calon di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Cabutan bagi menentukan nombor calon itu dikendalikan oleh Jawatankuasa Pemilihan Majlis Tertinggi 2000, yang dianggotai 12 anggota dan dipengerusikan Tan Sri Kamarul Ariffin.

Mengikut senarai akhir tujuh orang menawarkan diri bertanding Timbalan Pengerusi Tetap, Naib Presiden (9), Majlis Tertinggi (63), Timbalan Pengerusi Tetap Wanita (3), Ketua Wanita (2), Naib Ketua (2), Exco Wanita (44), Pengerusi Tetap Pemuda (3), Timbalan Pengerusi Tetap (2), Naib Ketua (2) dan Exco Pemuda (52).

Bagaimanapun, seorang calon bagi jawatan timbalan pengerusi tetap, Datuk Ampung Puyun, hari ini menarik diri daripada bertanding.

Dalam pemilihan kali ini, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan jawatan tanpa bertanding, manakala Naib Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menang bagi jawatan Timbalan Presiden.

Turut menang tanpa bertanding ialah Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah; Pengerusi Tetap Wanita, Tan Sri Aishah Ghani dan Datuk Hishammuddin Tun Hussein bagi jawatan Ketua Pemuda.

Senarai nombor dan gambar calon yang bertanding disiarkan melalui e-Umno akhbar elektronik parti itu dan boleh dilayari melalui lamannya www.e-umno.net/my.

Khalil berkata, MT akan mengambil tindakan terhadap calon yang didapati melanggar peraturan pertandingan sekiranya menerima aduan, termasuk selepas pemilihan.

Mengenai nasihat Perdana Menteri supaya perwakilan yang berada di ibu negara balik ke negeri masing-masing, beliau berkata pemeriksaan ke beberapa hotel mendapati sejumlah besar mereka sudah pulang.

"Ramai daripada perwakilan yang berada di hotel sudah balik selepas mendengar nasihat Presiden," katanya sambil menambah setakat ini belum ada calon yang ditolak kerana melanggar etika pemilihan parti.